

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 31 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1411-MQT0043
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan penjelasan atas tindakan Kerajaan Nepal menghentikan penghantaran pekerja Nepal ke Malaysia atas sebab 'monopoli' oleh syarikat swasta dalam proses pengambilan dan apakah kesan terhadap Malaysia, khasnya industri keselamatan dan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian.

2. PR-1411-MQT0039
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini wabak penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dan apakah langkah segera Kementerian menanganinya agar tidak sampai ke tahap kritikal.

3. PR-1411-MQT0037
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan Kementerian ke atas longgokan beribu-ribu tan sisa pepejal yang datang dari negara maju terutama China yang telah mengharamkan kemasukan sisa pepejal ke negara mereka menyebabkan kita seolah-olah tong sampah dunia dan apakah tindakan ke atas kilang-kilang kitar semula plastik yang tidak berlesen.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 31 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L00624
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) justifikasi perluasan satu unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) ke 900 kaki persegi serta implikasi pada harga seunit kediaman baru; dan
 - (b) sama ada cadangan meluaskan satu unit kediaman PPR kepada 900 kaki persegi mampu menampung pertambahan penduduk dan menjadi langkah jangka panjang yang efektif.

2. PR-1411-L01241
Brig Jen Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional dan implikasi dari pelbagai segi meliputi kewangan, kadar penggunaan pengangkutan awam, impak ekonomi susulan, kesesakan jalan raya, jaringan pertumbuhan bandar, keselesaan pengguna dan aspek lain daripada pembatalan projek pengangkutan awam seperti Mass Rapid Transit (MRT) 3.

3. PR-1411-L00659
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan Pakatan Harapan yang baru berhasrat melaksanakan pilihan raya Kerajaan tempatan dan huraikan *roadmap*.
4. PR-1411-L00500
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah untuk memastikan peniaga tidak menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya.
5. PR-1411-L00846
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah yang tidak diliputi oleh 1Bestarinet dan apa puncanya.
6. PR-1411-L00128
Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang kedudukan program negara untuk memenuhi kehendak di bawah perubahan iklim di bawah 'The Paris Agreement 2015'.
7. PR-1411-L01411
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat di kawasan luar bandar.
8. PR-1411-L00521
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan produk pelancongan utama negara dan menjelaskan usaha bagi menjadikan unsur Islam dan Melayu sebagai perkara penting dalam mengembang dan mempromosikan sektor pelancongan negara.
9. PR-1411-L00650
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapakah Malaysia masih lagi bukan penandatangan kepada "*IAEA Joint Convention on the Safety of Spent Fuel Management and the Safety of Radioactive Waste Management*" di dalam memastikan Malaysia mematuhi piawaian keselamatan antarabangsa.

10. PR-1411-L01070
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia mempertimbangkan cadangan penurunan cukai jalan bagi kenderaan persendirian rakyat awam berbanding kenderaan berat dan perdagangan yang sering merosakkan jalan raya.
11. PR-1411-L01076
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kerajaan Persekutuan baharu bagaimana Kementerian akan membantu negeri Sabah bagi memastikan pengagihan sumber yang adil kepada negeri dan memastikan peruntukan akan disalurkan kepada tempat yang diperlukan.
12. PR-1411-L00120
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat terus ke Rumah Tunku, Nanga Sebiro, Sg. Gaat, Bahagian Kapit, menaik taraf jalan balak di Metalun dan Tegulang, Murum, Belaga dan membina jalan dari Rumah Juntan ke Rumah Bengau, Nanga Sut, Kapit.
13. PR-1411-L00772
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keanggotaan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM) di Malaysia. Bagaimanakah kaedah pemberian peruntukan kewangan kepada unit-unit JPAM di Malaysia. Adakah Kerajaan sudi menjalankan kajian berkenaan dengan elaun dan kebajikan untuk anggota-anggota JPAM di Malaysia.
14. PR-1411-L01257
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan strategi dan usaha Kementerian dalam memastikan harga barang dapat diturunkan selepas kadar GST 0% dan kaedah yang akan diguna pakai.
15. PR-1411-L00104
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengambil tindakan terhadap laporan mengaitkan Pengerusi PERDA menjual tanah awam lebih rendah daripada harga pasaran di KADUN Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan dan Sungai Baong Pulau Pinang. Apakah hasil siasatan terkini.

16. PR-1411-L00716
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan adakah kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan untuk memberi pilihan kepada warga kerja Muslim yang mencarum di PERKESO untuk memilih sistem Takaful berbanding insurans konvensional sepertimana yang sudah dilaksanakan oleh KWSP.
17. PR-1411-L01198
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah kajian sudah dijalankan bagi menilai keberkesanan usaha-usaha dan langkah-langkah mengurangkan kadar dan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat.
18. PR-1411-L00548
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana undang-undang berkaitan pembiayaan politik untuk mengawal selia politik dan pilihan raya dapat diperkenalkan.
19. PR-1411-L01251
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah AP (Approved Permit) yang telah diberikan kepada kaum India di bawah Kementerian pertanian bagi semua jenis produk di bawah Kementerian Pertanian. Berikan pecahan pemilikan AP mengikut kaum.
20. PR-1411-L00927
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbandingan jumlah hutang negara sebelum dan selepas PRU-14.
21. PR-1411-L00282
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
(a) bilakah pengiktirafan sijil UEC dapat direalisasikan; dan
(b) apakah Kementerian bercadang untuk memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah menengah Cina untuk mengurangkan beban sekolah-sekolah tersebut.
22. PR-1411-L00061
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan angka kadar tunjuk inflasi negara untuk setengah tahun 2018.

23. PR-1411-L01176
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pelan strategik yang akan dilaksana bagi menjamin industri penanaman padi ini terus terbela, kekal sebagai sektor yang sangat penting dalam jaminan makanan bagi negara ini, sambil memberi pulangan yang sewajarnya kepada warga tani.
24. PR-1411-L01096
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) berapa anggaran terkini peminjam PTPTN yang telah membuat bayaran balik ; dan
 - (b) nyatakan perbandingan angka bayaran balik sebelum PH menjadi Kerajaan dan selepas menjadi Kerajaan.
25. PR-1411-L01120
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia menurun kira-kira RM2.4 bilion setakat 14 Jun 2018 berbanding RM434 bilion pada 31 Mei 2018 dan apakah langkah Kerajaan menangani penurunan ini supaya tidak berterusan.
26. PR-1411-L00071
Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilangan Jawatankuasa Pilihan Khas yang akan ditubuhkan untuk memantau Kementerian-kementerian penting; dan
 - (b) sama ada cara pelantikan dan komposisi Jawatankuasa tersebut mengikut model Parlimen Great Britain.
27. PR-1411-L00152
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah keseluruhan kuarters guru seluruh negara yang terbiar dan tidak digunakan ; dan
 - (b) berapa kos pembinaan kuarters ini dan apakah tindakan selanjutnya ke atas kuarters ini.

28. PR-1411-L00607
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi memupuk dan menyemai rasa hormat setiap lapisan rakyat ke atas Institusi Diraja di Malaysia terutamanya buat Yang di-Pertuan Agong.
29. PR-1411-L01218
Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan menangani fahaman ekstremis agama di kalangan masyarakat Islam.
30. PR-1411-L01165
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menambah peruntukan biasiswa kepada pelajar Malaysia yang akan menyambung pelajaran di luar negara dalam bidang yang masih kurang kepakarannya di Malaysia.
31. PR-1411-L00682
Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara khusus rancangan Kementerian dalam menghapuskan pengutipan tol secara berperingkat-peringkat di seluruh Malaysia.
32. PR-1411-L01113
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan nilai kontrak pembinaan dan pembaikan kapal TLDM yang telah dianugerahkan kepada Boustead Naval Dockyard, Lumut sejak tahun 2000.
33. PR-1411-L01304
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa jawatan bagi pegawai pendidikan daerah Sibu kosong selama setengah tahun. Fenomena ini tidak sihat kerana kakitangan di Jabatan Pendidikan Sibu tiada arah yang jelas untuk ditujui. Bolehkah seorang pegawai pendidikan berbangsa Cina dilantik untuk jawatan tersebut memandangkan Sibu satu daerah yang mempunyai sekolah cina yang terbanyak dalam negeri.
34. PR-1411-L00819
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha terbaru Kerajaan dalam mengawal dan menambah baik pembiayaan parti politik serta perbelanjaan pilihan raya.

35. PR-1411-L00414
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memantau harga barangan di pasaran selepas pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada bulan September 2018.
36. PR-1411-L01049
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengurangkan subsidi padi dan penilaian semula harga lantai per tan padi.
37. PR-1411-L00538
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil siasatan Jawatankuasa Siasatan Kes 1MDB dan apakah status penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja 1MDB seperti yang dijanjikan.
38. PR-1411-L00943
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status dan perancangan Kementerian dalam menyiapkan pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan dalam RMK-11 bagi memberi kemudahan dan keselesaan masyarakat di daerah Maran khususnya.
39. PR-1411-L00217
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan alasan kenapa Pentaksiran Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) tidak lagi diwajibkan di universiti-universiti awam (UA) dan bukannya ditambah baik, sedangkan kaedah yang pertama di dunia ini telah diiktiraf dan dicontohi oleh kebanyakan negara untuk dilaksanakan di universiti mereka.
40. PR-1411-L01022
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada pegawai Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) diserap masuk ke Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) atau dibatalkan kontrak kerja mereka serta-merta.

41. PR-1411-L00357
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam menangani isu lambakan penjualan ubat-ubatan melalui internet yang tidak disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Adakah sebarang pantauan atau garis panduan telah diletakkan kepada usahawan ubat-ubatan *online* ini sebelum menjual kepada pengguna internet.
42. PR-1411-L00954
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah fungsi dan peranan pembinaan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman serta apakah status pusat tersebut memandangkan ianya mungkin akan mempengaruhi usaha Kerajaan untuk memerangi aktiviti pengganas seperti ISIS, Abu Sayaf dan entiti pengganas yang lain.
43. PR-1411-L00390
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian terhadap isu lambakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah menyebabkan rakyat semakin berasa gusar akibat terhadnya peluang pekerjaan dan perniagaan tertentu yang dimonopoli oleh warga asing serta terhadap kadar jenayah yang melibatkan mereka yang juga semakin meningkat.
44. PR-1411-L00213
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan dasar Kerajaan Pusat sekarang terhadap pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas di kawasan luar bandar Sarawak supaya ianya dapat meningkatkan pembangunan sosioekonomi rakyat luar Bandar Sarawak.
45. PR-1411-L01326
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana dan bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sama taraf kepada Malaya dalam pembentukan Persekutuan Malaysia termasuk pindaan dan pemansuhan kepada Artikel 1(2) Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada.
46. PR-1411-L00691
Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peletakan Kedutaan Besar Malaysia ke negara lain. Nyatakan jumlah Duta-Duta Malaysia ke negara-negara lain telah meletakkan jawatan, nama-nama Kedutaan Besar dan negara-negara yang berkenaan.

47. PR-1411-L00767
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang dijalinkan oleh Malaysia dengan Jepun dalam Dasar Pandangan Ke Timur fasa kedua ini.
48. PR-1411-L00503
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini menaik taraf lif di Hospital Umum Sarawak, Kuching dan jika projek itu dapat dipercepatkan jumlah pesakit yang banyak dan makin bertambah.
49. PR-1411-L00433
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah boleh berlaku percanggahan laporan berkenaan dengan hutang negara dan sejauh mana Kerajaan mengiktiraf penilaian agensi penarafan antarabangsa, Moody's Investors Service (Moody's).
50. PR-1411-L00595
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang melantik semula penggerak masyarakat dan guru-guru Al-Quran di Kelantan yang ditamatkan perkhidmatan pada 15 Mei 2018.
51. PR-1411-L00676
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek pembesaran Jalan Dato Mohamad Musa, Kota Samarahan yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini.
52. PR-1411-L00093
Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pos keselamatan sempadan di Pekan Keranggas, Gayau, Lachau dan Batu Lintang Sri Aman akan dibina. Difahamkan bahawa lawatan tapak sudah diadakan tempoh hari.
53. PR-1411-L00154
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang negara sebenarnya. Nyatakan berapakah kadar pertumbuhan ekonomi negara pada masa kini dan ramalan pertumbuhan ekonomi negara pada masa depan.

54. PR-1411-L00049
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah hala tuju dan fokus Kementerian dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar seperti di Parlimen Batang Lupar.
55. PR-1411-L01278
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Paras Garis Kemiskinan yang dilihat sudah tidak relevan dengan keadaan ekonomi semasa.
56. PR-1411-L01081
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan lantikan pegawai khas kepada setiap Menteri dan Kementerianya dan apakah status bilangan lantikan untuk kabinet baru setakat ini.
57. PR-1411-L00604
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan harga komoditi sawit.
58. PR-1411-L01157
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah susulan yang akan diambil pihak Kementerian bagi memastikan kerugian lebih RM6 bilion yang dialami oleh pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pasca PRU-14 dapat dipulihkan semula serta sejauh manakah kerugian ini akan memberi kesan ke atas pulangan dividen kepada pencarum.
59. PR-1411-L01146
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan selain penubuhan jawatankuasa TVET yang dipengerusikan oleh YB Permatang Pauh sepertimana dilaporkan akhbar baru-baru ini dan apakah usaha tersebut dapat menjaga kepentingan anak-anak muda melayu atau luar bandar yang cenderung kepada bidang teknikal di usia muda.

60. PR-1411-L00697
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes dadah yang dilaporkan mengikut bahagian/daerah di seluruh Sarawak khususnya di daerah Bau dan Lundu sejak tahun 2008 dan langkah-langkah serta peruntukan yang telah disalurkan bagi program membanteras masalah tersebut di semua peringkat.
61. PR-1411-L00466
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan memulakan kajian semula kepada perjanjian konsesi lebuhraya. Sekiranya kajian semula telah dilakukan, apakah hasil dari kajian tersebut.
62. PR-1411-L00806
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati di Malaysia dan apakah jangka masa yang diperlukan bagi pemansuhan ini.
63. PR-1411-L00115
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah kaedah atau langkah proaktif Kementerian dalam memastikan peniaga tidak meletakkan beban kepada pengguna akhir dengan menaikkan harga barangan apabila perintah gaji minimum yang baharu RM1,500 dilaksanakan dalam tempoh penggal pertama pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.
64. PR-1411-L00695
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah hutang terakru kepada Malaysian Airport Holdings Bhd. Berapa jumlah hutang yang masih terhutang oleh syarikat AirAsia kepada Malaysia Airport Holdings Bhd. dan apa tindakan wajar yang akan diambil untuk menuntut hutang tersebut.
65. PR-1411-L00576
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kes siasatan yang berkaitan dengan skandal 1MDB.

66. PR-1411-L00537
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan bilakah Kerajaan Malaysia akan merunding semula Perjanjian Air Tahun 1962 antara Malaysia dengan Singapura supaya harga air sekarang 3 sen bagi setiap 1,000 gelen yang diimport oleh Singapura dari Sungai Johor sebanyak 250 juta gelen setiap hari dapat dinaikkan pada harga yang munasabah seperti harga air yang dibeli oleh Melaka dari Johor.
67. PR-1411-L00418
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan status penyambungan konsesi tapak Kualiti Alam Sdn. Bhd. di Sendayan dan apakah jaminan keselamatan kepada penduduk sekitar, memandangkan pembangunan pesat di sekitar Sendayan.
68. PR-1411-L00171
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan menyatakan fungsi Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) dan apakah dasar baru Kementerian bagi memperkasakan pembangunan industri pertanian negara.
69. PR-1411-L00708
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pembayaran balik GST. Nyatakan masa terawal Kementerian akan membayar balik pembayaran GST 6% kepada syarikat-syarikat yang sebesar jumlahnya telah menunggu sehingga 5 bulan untuk pembayaran balik daripada pihak kastam.
70. PR-1411-L01101
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan PH akan memperuntukkan dana untuk membina sekolah dan juga pembiayaan harian SRJK (C) dan (T) dan juga Sekolah Menengah Cina.
71. PR-1411-L00035
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan GST yang telah diperoleh oleh Kerajaan dari Sabah pada tahun lalu.
72. PR-1411-L00167
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada bil Indah Water akan dihapuskan dan tunggakan sedia ada akan dibatalkan.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**
 - * Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.
2. **Menteri Kewangan**
 - * Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018.
3. **Menteri Kewangan**
 - * Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018.
4. **Menteri Kewangan**
 - * Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018.
5. **Menteri Kewangan**
 - * Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (30 Julai, 2018)

2. PR-1411-U(27)003
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

3. PR-1411-U(27)004
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

4. PR-1411-U(27)005
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."
[Menteri Dalam Negeri]
5. PR-1411-U(27)006
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
6. PR-1411-U(27)007
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."
[Menteri Kewangan]
7. PR-1411-U(27)008
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

8. PR-1411-U(27)009

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

[Menteri Pengangkutan]

9. PR-1411-U(27)001

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

10. PR-1411-U(27)002

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 31.07.2018 (Selasa)	1. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	1. Masalah Caj Tempam Letak Kereta Di Stesen Keretapi Anak Bukit, Alor Setar Dan Arau	1. YB Menteri Pengangkutan
2. 31.07.2018 (Selasa)	2. YB Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)	2. Bantuan Kewangan Kepada Mangsa Kebakaran Rumah Panjang Di Kawasan Lanang	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**